

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JANUARY 2017

## → MUKA DUA

DIALOG PERDANA TRANSFORMASI NASIONAL 2050

# Jadikan Malaysia lebih cemerlang 30 tahun lagi

BH- 20/1/2017

→ Najib mahu generasi muda sahut cabaran masa depan negara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris, Mohd Azrone Sarabatin, Nadia Hamid, Hazwan Faisal Mohamad, Farah Mashita Abdul Fattah, Ahmad Suhael Adnan, Nor Azizah Mokhtar, Ahmad Johari Mohd Ali dan Fahmy Azril Rosli  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak malam tadi, melontarkan idea bagi menyediakan Malaysia yang lebih cemerlang untuk 30 tahun akan datang, dengan mengguna pakai kaedah aspirasi rakyat, terutama generasi muda dalam merangka Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Perdana Menteri berkata, usaha merangka hala tuju negara untuk 2050, perlu dilaksanakan sekarang kerana dunia berubah dengan pantas, radikal dan sukar dijangkakan.


“Oleh itu, amat sesuai sekarang kita meneropong ke masa depan, kita mulakan wacana ini supaya

kita boleh bina negara masa depan secara bersama.

“Hari ini, saya mahu mendengar pandangan anda semua, saya nak dengar suara hati rakyat, suara hati generasi muda, kehendak orang muda kerana 2050 nanti adalah milik anda semua... generasi muda yang membentuk masa depan,” katanya berucap pada sesi Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya (UM) yang turut disiarkan secara langsung di TV1 dan TV3.

Yang hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perumahan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nancy Shukri; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahadzir Khalid dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja



Najib dan Khairy Jamaluddin bersama jemaah menteri serta pemimpin belia negara pada sesi Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 di Dewan Tunku Canselor UM di Kuala Lumpur, malam tadi.



Hari ini, saya mahu mendengar pandangan anda semua, saya nak dengar suara hati rakyat, suara hati generasi muda, kehendak orang muda kerana 2050 nanti adalah milik anda semua... generasi muda yang membentuk masa depan”

Najib Razak,  
Perdana Menteri

Mohamed Noor.

Sesi itu dihoskan pengacara Nazaruddin Rahman, manakala Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bertindak sebagai moderator untuk sesi dialog perdana berkenaan. Selain tayangan video, Perdana Menteri di akhir ucapan turut membawa sekumpulan anak kecil bersama naik ke pentas sebagai simbolik, TN50 adalah untuk generasi mereka.

### Masa sesuai bertindak

Najib berkata, sekarang adalah amat sesuai untuk melihat masa depan Malaysia 30 tahun ke hadapan kerana tahun ini genap 60 tahun kelahiran negara kita yang merdeka dan bebas.

“Pada 1970-an sehingga 2000, kita memberi tumpuan kepada dasar induk - Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang menjangkau tempoh 30 tahun. Selepas itu kita terbit Wawasan 2020, meliputi tempoh 30 tahun juga. Justeru dua dasar itu membatalkan tempoh 60 tahun.

“Amat sesuai kita melihat 30 tahun akan datang sebab apa, se-

bab kalau nak buat sesuatu visi ia memakan masa, macam kita pandu lori tangki... untuk ubah haluan kena ubah secara perlahan-lahan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam menyediakan perubahan untuk 30 tahun akan datang, orang muda sekarang kena ada perubahan paradigma.

Beliau turut berkongsi dua idea bagaimana Malaysia boleh berubah dalam TN50, iaitu saiz ekonomi negara berubah daripada RM1.3 trilion ketika ini kepada RM2 trilion ekonomi, dalam lapan tahun.

Najib berkata, kedua-duanya mahu menjadikan Malaysia dalam senarai 20 negara teratas berdasarkan kepada Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“Mungkin kita boleh meningkatkan kuasa beli pengguna lebih tinggi, kalau KDNK kita setakat dalam AS\$10,000. Kalau boleh kuasa beli pengguna kita meningkat kepada RM23,000 hingga RM24,000. Kita juga boleh mengukur kegembiraan awam dan aspek indeks inovatif dan kreativiti rakyat,” katanya.

[FOTO OSMAN ADNAN/BH]